

ABSTRAK

Generasi remaja pada hari ini merupakan modal insan negara pada masa akan datang. Peranan mencorak kepimpinan dan pembangunan negara pada masa hadapan bakal dilaksanakan oleh mereka. Namun pendedahan berita mengenai keterlibatan remaja terhadap gejala sosial kini kian meruncing dan membimbangkan. Lebih-lebih lagi ia berkaitan dengan salah laku seksual. Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan sebanyak 79,302 kes remaja bawah 18 tahun hamil tanpa nikah dalam tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2012-2016. Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat amnya dan masyarakat di luar khususnya bahawa tanggapan dan pemahaman remaja di institusi kebajikan terhadap salah laku seksual. Kajian ini dijalankan di dua (2) buah pusat pemulihan akhlak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua responden dipilih dari institusi tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan remaja berada pada tahap yang tinggi mengenai seksualiti dengan nilai skor 4.29, manakala penilaian amalan sendiri remaja juga berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor 3.87. Namun bagi faktor – faktor mempengaruhi pula dilihat sederhana dengan nilai skor 3.05 iaitu faktor keibubapaan, pengaruh rakan sebaya, persekitaran yang tidak kondusif, dan kemodenan media sosial. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu jabatan dan semua pihak dalam usaha membendung salah laku seksual dalam kalangan remaja terutama bagi pelatih di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kata kunci : persepsi remaja, salah laku seksual, pengetahuan seksualiti.